
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JPK 323 – KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI II

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

Tuliskan angka giliran disetiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

.../2-

1. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Geografi, penekanan hendaklah dibuat terhadap pemupukan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme terhadap negara Malaysia.

(PPK, 2001)

Dengan merujuk kepada topik-topik tertentu dalam Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah Atas, bincangkan penerapan nilai-nilai murni dan unsur-unsur patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran geografi.

(25 markah)

2. (a) Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan *advanced organizer* seperti yang dikemukakan oleh Ausubel (1968).

(5 markah)

- (b) Dengan memilih satu topik pengajaran Geografi menengah atas, jelaskan cara yang boleh anda lakukan untuk mengajar topik berkenaan dengan menggunakan kaedah ekspositori.

(20 markah)

3. (a) Jelaskan kriteria-kriteria yang digunakan untuk menilai *software / CD-Rom* Geografi seperti yang dikemukakan oleh Warner (1994).

(10 markah)

- (b) Dengan memilih satu topik pengajaran Geografi Menengah Atas, tunjukkan kelebihan-kelebihan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

(15 markah)

4. (a) Bincangkan kelebihan-kelebihan kerja lapangan atau kerja luar dalam pengajaran dan pembelajaran geografi.

(10 markah)

- (b) Kemukakan beberapa alasan mengapakah guru geografi kurang memberi penekanan terhadap kajian lapangan/ kajian luar?

(15 markah)

...3/-

5. Ujian esei sering digunakan dalam soalan peperiksaan Geografi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

(a) Huraikan kelemahan ujian esei dalam peperiksaan bagi mata pelajaran Geografi?

(10 markah)

(b) Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

(15 markah)

- 0000000 -

